

# FSW FC juara Liga Sri Gading

Catat kemenangan  
tipis terhadap  
Tongkang Armada FC

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT

**S**etelah bertarung lebih tiga bulan bermula pada November tahun lalu, akhirnya perlawanan bola sepak Liga Sri Gading 2017 melabuhkan tirainya dengan pasukan Felcra Sri Wangi (FSW) FC dinobatkan sebagai juara.

Dalam perlawanan akhir yang diadakan di Stadium Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), pasukan FSW FC berjaya mencatat kemenangan tipis 3-2 setelah diberikan tentangan hebat oleh pasukan Tongkang Armada FC.

Kedua-dua pasukan menampilkan corak permainan yang menarik dengan bertukar-tukar serangan antara satu sama lain.

Bagaimanapun, pasukan Tongkang Armada FC mendahului



Pemain pasukan FSW FC meraikan kejayaan menjadi juara Liga Sri Gading 2017.

jaringan pada minit pertama perlawanan setalah pertahanan FSW FC melakukan kesilapan dengan gol dijaringkan Mohd Nazim Mohd Arpin.

Tersentak dengan gol berkenaan, pasukan FSW FC terus menggandakan asakan dan ia membuatkan hasil apabila pada minit ke-19, pemain mereka, Mohammad

Sahaffiq Mohd Esa menjaringkan gol.

Kekangan jarang bermain pada waktu malam membuatkan pemain pasukan Tongkang Armada FC sering terlepas beberapa penyudah yang kemudiannya memberikan kelebihan kepada pemain FSW FC.

Secali lagi serangan daripada

FSWFC membuatkan hasil dengan mereka pula mendahului perlawanan setalah rembatan Mohamad Fahian Roslan pada minit ke-31 menjah jaring lawan.

Sebaik wisel separuh masa kedua dibungkikan oleh pengadil perlawanan, seolah-olah tidak cukup dengan dua gol pasukan FSW FC mencari lagi gol yang membawa ke-

- FSW FC berjaya tewaskan Tongkang Armada FC dengan jaringan 3-2

pada kelebihan mereka.

Gol berkenaan berjaya dijaringkan pada minit ke-55, apabila Nurul Naim Mohd Yusof untuk kedudukan semasa 3-1.

Tidak mudah berputus asa pasukan Tongkang Armada FC mencari gol untuk merapatkan jurang dengan melakukan beberapa kali serangan ke pintu gol lawan dengan menguasai perlawanan 15 minit terakhir.

Gol mereka berjaya dijaringkan pada minit ke-80 dengan sepakan penalti oleh Mohd Azrol Hamdan apabila pengadil menghadiahkan sepakan terbabit setelah seorang pemain FSW FC menahan bola dengan tangan.

Tongkang Armada FC terus menggandakan asakan dan menguasai perlawanan, namun nasib tidak menyebelahi mereka apabila beberapa serangan yang mereka lakukan tidak membuatkan hasil.